

J. HI .  
PARLIMEN  
MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI SELASA: 11 OKTOBER 2011**

CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.



SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN

Y. B. DATO' NORAINI BINTI  
AHMAD [PARIT SULONG]

TARIKH

11 OKTOBER 2011

SOALAN

1

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan hala tuju pembangunan teknologi angkasa negara dan sebanyak manakah komitmen kewangan tahunan yang dilaburkan untuk meneruskan pembangunan teknologi angkasa Malaysia selaras dengan hala tuju ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kebanyakan negara yang lebih maju daripada Malaysia telah mendapat manfaat daripada pembangunan sektor angkasa atau secara khususnya pembangunan teknologi angkasa di negara masing-masing. Sektor angkasa mempunyai potensi untuk memberikan pulangan ekonomi kepada negara serta turut berupaya meletakkan Malaysia pada kedudukan strategik di peringkat

antarabangsa.

Program pembangunan teknologi angkasa negara pada masa ini dijalankan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dan *Astronautic Technology Sdn. Bhd.* (ATSB) yang bertanggungjawab dalam pembangunan aktiviti hulu yang memberi tumpuan kepada pembuatan dan pelancaran satelit. Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) yang juga merupakan sebuah agensi di bawah MOSTI menerajui pembangunan aktiviti hiliran yang memberi tumpuan kepada aktiviti perolehan dan pengedaran data-data satelit *remote sensing* serta pembangunan aplikasi *remote sensing* bagi pengurusan pengeluaran pertanian, sumber asli, alam sekitar, bencana, keselamatan dan pembangunan tanah negara yang lebih efektif; dan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) pula bertanggungjawab kepada pembangunan aplikasi dalam bidang kajicuaca.

Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, syarikat-syarikat telekomunikasi dan syarikat swasta yang berkaitan menerajui pembangunan aplikasi dalam bidang penyiaran dan telekomunikasi. Manakala beberapa universiti tempatan seperti UTM, UPM, UKM dan USM pula bertanggungjawab menyediakan latihan kelayakan asas dan terlibat dalam penyelidikan asas dalam bidang teknologi angkasa.

**Tuan Yang Di Pertua,**

MOSTI sedang dalam peringkat akhir penyediaan Dasar Angkasa Negara

yang menetapkan hala tuju pembangunan keupayaan negara dalam sektor angkasa bagi menyokong pembangunan ekonomi baru, penjanaaan ilmu pengetahuan dan pembangunan keupayaan serta memperkukuhkan infrastruktur strategik negara sehingga dan selepas 2020.

Dari segi peruntukan, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM209.17 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi pembangunan sektor angkasa negara. Manakala, di bawah *Rolling Plan* pertama (2011 - 2012) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pula, sejumlah RM93.4 juta telah diperuntukkan. Daripada jumlah ini, RM3.0 juta telah diperuntukkan bagi program pembangunan penyelidikan Sains Angkasa dan Mikrograviti. Sejumlah RM59.6 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan infrastruktur angkasa negara iaitu Pusat Kawalan Konstelasi Satelit dan pembangunan fasiliti angkasa negara iaitu Pusat *Assembly, Integration and Testing* (AIT) yang mana kedua-duanya terletak di Sungai Lang, Banting. Baki sebanyak RM30.8 juta pula telah diperuntukkan untuk Fasa Pertama pembangunan satelit negara bagi tujuan cerapan bumi (*Earth Observation*).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARI PAD A

PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ]

TARIKH

SOALAN

11 OKTOBER 2011

Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) bilangan pusat dialisis buah pinggang di sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan Kerajaan yang disediakan di negeri Pulau Pinang dan Malaysia; dan
- (b) bilangan pesakit yang menerima rawatan di sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan Kerajaan setiap tahun bagi lima tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010, terdapat 10 pusat dialisis sektor awam, 27 pusat dialisis swasta dan 20 pusat dialisis pertubuhan bukan Kerajaan di Negeri Pulau Pinang. Di Malaysia pada tahun yang sama, terdapat 181 pusat dialisis sektor awam, 297 pusat dialisis swasta dan 140 pusat dialisis pertubuhan bukan Kerajaan.

Bilangan pesakit yang menerima rawatan dialisis di kesemua sektor telah meningkat pada setiap tahun.

Pada tahun 2006, jumlah pesakit yang menjalani rawatan dialisis di seluruh negara adalah 14,946 orang. Daripada jumlah ini, 5,397 menjalani rawatan di pusat dialisis sektor awam, 4,901 di pusat dialisis swasta dan 4,648 di pusat dialisis pertubuhan bukan Kerajaan.

Pada tahun 2007, jumlah pesakit kegagalan buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis di seluruh negara adalah 17,367 orang. Daripada jumlah ini, 6,101 menjalani rawatan di pusat dialisis sektor awam, 6,038 di pusat dialisis swasta dan 5,228 di pusat dialisis pertubuhan bukan Kerajaan.

Pada tahun 2008, jumlah pesakit kegagalan buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis di seluruh negara adalah 19,221 orang. Daripada jumlah ini, 6,495 menjalani rawatan di pusat dialisis sektor awam, 6,970 di pusat dialisis swasta dan 5,756 di pusat dialisis pertubuhan bukan Kerajaan.

Pada tahun 2009, jumlah pesakit kegagalan buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis di seluruh negara adalah 21,543 orang. Daripada jumlah ini, 7,103 menjalani rawatan di pusat dialisis sektor awam, 8,356 di pusat dialisis swasta dan 6,084 di pusat dialisis pertubuhan bukan Kerajaan.

Pada tahun 2010 pula, jumlah pesakit kegagalan buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis di seluruh negara adalah 23,420 orang. Daripada jumlah ini, 7,115 menjalani rawatan di pusat dialisis sektor awam, 9,813 di pusat dialisis swasta dan 6,492 di pusat dialisis pertubuhan bukan Kerajaan.



**NO. SOALAN : 3**

**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA YB. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN  
[REMBAU]**

**TARIKH JAWAPAN : 11 OKTOBER 2011 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah anggaran jumlah kos penggunaan tenaga dalam mod sedia (*standby mode*) di Malaysia dan apakah strategi dan langkah Kerajaan bagi mengurangkan pembaziran tenaga yang digunakan dalam mod sedia kerana terdapat banyak peralatan elektrik yang menggunakan 80 peratus bekalan tenaga semasa berada dalam keadaan mod tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian saya dengan bantuan Suruhanjaya Tenaga telah mengkaji penggunaan tenaga dalam mod sedia (*standby mode*) peralatan elektrik, terutama sekali televisyen. Hasil daripada ujian makmal yang dijalankan oleh pihak SIRIM Malaysia didapati wujud penggunaan tenaga yang minimum apabila peralatan elektrik dalam keadaan mod sedia. Anggaran penggunaan tenaga ialah di antara 1Watt (W) sehingga 5Watt.

Untuk perancangan pada masa hadapan, pihak Kerajaan akan mengawalselia prestasi penggunaan tenaga bagi kelengkapan elektrik yang akan dijual dipasaran melalui penguatkuasaan Akta Kecekapan dan Penjimatan Tenaga yang sedang dalam proses penggubalan oleh Kementerian saya. Akta ini dijangka akan dilaksanakan menjelang tahun 2014, di mana hanya kelengkapan yang memenuhi kriteria prestasi tenaga minima dan mempunyai label tenaga boleh memasuki pasaran negara sebagai mana yang telah diamalkan di negara lain seperti Thailand, Singapura dan China.

Selain daripada itu, pada masa ini langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan dan faedah penggunaan kelengkapan elektrik yang cekap tenaga semakin giat dilaksanakan. Pengguna perlu diberikan kesedaran bahawa membiarkan peralatan dalam

keadaan mod sedia akan membazir penggunaan elektrik dan merupakan tabiat menggunakan tenaga yang tidak cekap. Bagi pihak pengeluar pula, terdapat insentif ditawarkan sekiranya mereka mengeluarkan produk-produk cekap tenaga yang tertentu seperti penyaman udara, kipas, televisyen dan peti sejuk.

\*\*\*\*\*

**NO. SOALAN : 4**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB TUAN HJ. NASHARUDIN BIN MAT ISA  
[BACHOK]**

**TARIKH 11 OKTOBER 2011 [S E L A S A]**

**SOALAN:**

Tuan Hj. Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersetuju untuk menggubal Akta Profesion Guaman Syarie dalam masa terdekat di peringkat Persekutuan dan bilakah Rang Undang-Undang tersebut akan dibentangkan di Parlimen.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR DATO' DR. MASHITAH IBRAHIM,  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan bersetuju untuk menggubal Akta Profesion Guaman Syarie sebagai salah satu agenda Kerajaan bagi memartabatkan kedudukan profesyen kepeguaman Syarie dan Mahkamah Syariah dalam arus sistem perundangan dan kehakiman di Malaysia.

Pada masa sekarang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Persatuan Guaman Syarie Malaysia sedang membuat kajian bagi merealisasikan hasrat mewujudkan undang-undang tersebut.

Konsep asas bagi pewujudan undang-undang tersebut kini sedang diteliti bagi memastikan undang-undang yang akan digubal nanti adalah lengkap dan komprehensif serta mematuhi jadual pembahagian bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri-Negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATUK RAIME BIN UNGGI  
[ TENOM - BN ]

TARIKH

11 OKTOBER 2011 (SELASA)

## SOALAN NO. 5

Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom - BN ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi membolehkan golongan belia dipupuk dengan budaya pemikiran keusahawanan menerusi penerapan kurikulum bersepadu terutama di kalangan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

### JAWAPAN :

1. Pemikiran keusahawanan di kalangan belia adalah penting di mana kejayaan menguasainya akan memberi petanda yang positif kepada perkembangan ekonomi dan sosial seterusnya kepada masa depan Negara. Walaupun bidang keusahawanan bukanlah menjadi tanggungjawab utama kementerian ini, namun, beberapa inisiatif telah diambil sebagai memenuhi hasrat tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2010, Cawangan Pembangunan Ekonomi Kementerian ini telah mengendalikan sebanyak 58 program berasaskan keusahawanan dengan penglibatan seramai 5,220 orang peserta. Manakala sepanjang tahun 2011 ini pula, sebanyak 60 program telah dianjurkan yang melibatkan seramai 2,800 orang peserta. Antara program-program yang dimaksudkan termasuklah, Kursus Asas Keusahawanan, Program *Smart Partnership* Usahawan Belia, Program Bimbingan Keusahawanan, Program Aktiviti Keusahawanan, Seminar Potensi dan Peranan Usahawan Belia, Kursus Teknikal Belia Tani, Kursus Rekabentuk dan Pelabelan,

Kursus Pengurusan Kewangan serta Kursus Pengurusan Kredit.

Dalam masa yang sama, pihak Kementerian turut mengambil inisiatif mengadakan usahasama dengan kementerian-kementerian serta agensi kerajaan yang lain, yang sememangnya khusus menekankan aspek keusahawanan dan pembangunan usahawan dalam perkhidmatan mereka seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KPLBW) serta Majlis Amanah Rakyat (MARA). Di antara kerjasama yang diwujudkan adalah dalam bentuk perkongsian kepakaran serta bimbingan khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada yang belia-belia yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan ini, disamping penyeliaan pemberian kemudahan dan bantuan.

Kementerian juga dibertanggungjawab untuk melatih para belia dalam bidang kemahiran sebagai usaha melahirkan para usahawan muda ke dalam pasaran Negara. Disamping memberikan latihan kemahiran kepada pelatih yang terlibat di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di seluruh tanahair, pihak Kementerian sentiasa memastikan program dan latihan yang ditawarkan sepanjang mereka berada di IKBN ini, menerapkan kurikulum latihan bersepadu dengan menekankan soal kemahiran, pembangunan modal insan dan jatidiri serta aspek keusahawanan.

Sekian.

Soalan No : 6

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF (BALIK PULAU)
------------------------	--

TARIKH 11.10.2011

**SOALAN:**

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [ **BALIK PULAU** ] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah perbelanjaan yang telah dibelanja terhadap pembangunan pendidikan di Parlimen Balik Pulau semenjak tahun 2008 sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap pembangunan pendidikan sama ada pembangunan fizikal atau pun pembangunan modal insan di seluruh negara termasuklah di Parlimen Balik Pulau. Di antara prog ram-prog ram pembangunan yang telah dilaksana yang dianggarkan sebanyak **RM 62.8 Juta** di kawasan tersebut sejak 2008 hingga kini iaitu:

- a) Pembinaan sekolah baru yang terdiri daripada empat (4) buah sekolah menengah kebangsaan dan tiga (3) buah sekolah rendah kebangsaan.
- b) Pembinaan blok tambahan di sebuah sekolah rendah kebangsaan
- c) Pembinaan lima (5) buah prasekolah,
- d) Ubah suai naik taraf (USNT) bangunan dan prasarana sekolah di 27 buah sekolah rendah, tiga (3) sekolah menengah kebangsaan dan empat (4) buah sekolah bantuan modal.
- e) Pembinaan dua (2) buah bengkel untuk mata pelajaran vokasional dan teknik di dua (2) buah sekolah, dan

f) Pembinaan 30 unit rumah guru di SMT Balik Pulau.

Manakala bagi peruntukan mengurus pula, sejumlah **RM 2.158 bilion** telah diperuntukkan untuk operasi pengurusan seperti pembayaran emolumen, bantuan kepada murid dan sebagainya di semua sekolah dalam Parlimen Balik Pulau. Selain itu, pelbagai program pembangunan modal insan yang telah dirancang dan dilaksanakan secara bersepadu dan berpusat dengan melibatkan semua guru dan murid di seluruh negara termasuklah dari kawasan Ahli Yang Berhormat. Ini termasuklah latihan peningkatan profesionalisme guru, program / aktiviti peningkatan sahsiah dan intelektual murid seperti kokurikulum, bengkel menghadapi peperiksaan dan sebagainya.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rajang ]
Tarikh Menjawab	11 Oktober 2011 (Selasa)
Soalan	No. 7

**YB Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah rancangan-rancangan CSR yang telah dijalankan oleh syarikat-syarikat perladangan dan komoditi gergasi seperti Shin Yang, KTS, SEB dan Sarawak Hidro yang telah memajukan kehidupan penduduk setempat.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat perladangan menyediakan bantuan bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur dan kebajikan para pekerjaannya. Selain itu, di bawah Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) para majikan juga perlu menyediakan perumahan dan kemudahan-kemudahan lain seperti bekalan air dan elektrik, pusat asuhan kanak-kanak, dewan komuniti, kemudahan sukan dan rekreasi serta proses penyelenggaraan yang berterusan ke atas kesemua kemudahan yang disediakan termasuk pusat kesihatan dan rawatan perubatan ke atas pekerja.

Berhubung dengan sumbangan CSR, kebanyakan ladang-ladang besar termasuklah KTS Group of Companies telah melaksanakan program-program untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan para pekerjaannya dan masyarakat setempat sejak tahun 2003. Ini termasuk menyediakan:

- i. kemudahan-kemudahan asas seperti kemudahan perumahan, bekalan air dan elektrik, kemudahan rekreasi dan juga pusat kesihatan; dan
- ii. sumbangan untuk aktiviti-aktiviti kemasyarakatan sempena sambutan hari perayaan serta sumbangan untuk anak-anak pekerja ladang yang cemerlang di dalam pelajaran. Mereka juga membantu mangsa-mangsa bencana alam seperti

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

mangsa-mangsa kebakaran dan banjir samada ianya berlaku di dalam ladang atau di kampung-kampung berdekatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Sarawak Energy Berhad dan Sarawak Hidro Sdn. Bhd. tidak terlibat di dalam sebarang aktiviti perladangan dan komoditi. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa kedua-dua organisasi ini aktif di dalam melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di kawasan-kawasan operasinya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT  
BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

DARIPADA

11 OKTOBER 2011

TARIKH

8

~~SOALAN~~ DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan berapakah jumlah kenderaan di Malaysia pada masa kini dan pecahan mereka mengikut kategori-kategori berikut

- (a) Lori dan lori tangki, bas, kereta, motosikal; dan
- (b) kenderaan berat seperti backhoe, excavator dan lain-lain.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah keseluruhan kenderaan sehingga 31 Ogos 2011 adalah sebanyak 21,021,217 buah. Perincian mengikut jenis kenderaan adalah seperti berikut:

BIL	JENIS KENDERAAN	JUMLAH
1.	Motosikal	9,839,911
2.	Kereta	8,485,949
3.	Lori	628,531
4.	Van	609,873
5.	Jip	445,436
6.	Pick-up	331,506
7.	Backhoe Loader / Excavator	130,236
8.	Semi Trailer	110,859
9.	Forklift	103,685
10.	Trailer	88,199
11.	Penggerak Utama	70,168
12.	Bas	57,458
13.	Dozer	22,449
14.	Articulated Vehicle	6,534
15.	Lori Tangki	4,941
16.	Lain-lain kenderaan	85,482
JUMLAH		21,021,217

<

SOALAN NO:

9 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN	
DARI PADA		YB. DATUK BIN GUBAT (RANAU)	SIRINGAN
TARIKH		11.10.2011 (SELASA)	

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilangan rekrut angkatan tentera dari kalangan anak-anak Sabah dari tahun 2000

sehingga September 2011 dengan pecahan kaum dan pencapaian dari segi pangkat-pangkat teratas yang boleh dibanggakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Bilangan rekrut angkatan tentera dari kalangan anak-anak Sabah dari tahun 2000 sehingga September 2011 adalah seramai 2,981 orang dan pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

a.	Kaum Melayu	368 orang
b.	Kaum Cina	20 orang
c.	Kaum India	4 orang
d.	Kaum Bajau dan Kadazan	2,493 orang
e.	Kaum Filipina dan Brunei	96 orang

Yan Di-Pertua,  
g

Pencapaian pangkat teratas yang boleh dibanggakan di kalangan anak Sabah ialah Brigedier Jeneral.

<

-<A t,



LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]

TARIKH

/^OKTOBER 2011

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan setakat mana perundingan dengan Indonesia mengenai jerebu. Apakah masalah yang sebenar dan syor untuk mengatasinya.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan dua (2) lagi soalan lisan, iaitu daripada YB Parit Sulong pada 10 November 2011 dan YB Hulu Rajang pada 15 November 2011 memandangkan soalan- soalan ini adalah berkaitan dengan isu yang sama, iaitu isu jerebu merentas sempadan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mekanisme yang sedia wujud bagi menangani isu jerebu merentas sempadan ialah melalui platform Jawatankuasa Pemandu Peringkat Menteri Sub Serantau ASEAN (*Sub-Regional Ministerial Steering Committee - MSC*) berikutan bencana jerebu yang melanda rantau ini pada tahun 2005. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada tahun 2006 dan dianggotai oleh lima (5) buah negara iaitu, Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand. Setakat ini, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 12 kali. Antarapencapaian-pencapaiannya adalah:

- i) Mewujudkan ruang untuk memantau pelan tindakan negara-negara ahli dalam mengurangkan bilangan titik panas;
- ii) Mewujudkan kerjasama dua hala antara Kerajaan Malaysia dan Indonesia mulai 2008 di Wilayah Riau, Sumatera dan kerjasama yang sama dilaksanakan oleh Singapura di Wilayah Jambi, Sumatera;
- iii) Pelaksanaan “Regional Haze Action Plan” (dengan izin) yang meliputi langkah-langkah pencegahan, pengawasan dan

mitigasi;

- iv) Pelaksanaan “ASEAN Policy on Zero Burning Techniques”;
- v) Pengoperasian “ASEAN Haze Fund” bagi membiayai projek-projek pencegahan dan kawalan jerebu serantau; dan
- vi) Penubuhan “Panel of ASEAN Experts on Fire and Haze Assessment and Coordination”.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sebenar seperti kita telah alami pada tahun 2005 adalah berpunca dari peningkatan mendadak bilangan titik panas di Sumatera, iaitu sebanyak 542 titik panas pada 10 Ogos 2005 yang menyebabkan keadaan jerebu yang serius menyelubungi seluruh kawasan Lembah Kelang. Dengan ini, Kerajaan Malaysia terpaksa mengisytiharkan bencana jerebu pada 11 hingga 13 Ogos 2005. Daripada pelaporan pihak *ASEAN Specialised Meteorological Centre* (ASMC), kejadian jerebu ini disebabkan oleh kebakaran tanah dan hutan gambut.

Dalam mesyuarat ke-12 MSC di Bangkok baru-baru ini, negara-negara ahli telah mempersetujui syor seperti berikut:

- i) Menambahkan kawasan-kawasan untuk melaksanakan projek kerjasama dua hala antara Malaysia dan Indonesia; dan
- ii) Menyeru pihak ASEAN Sekretariat memainkan peranan yang lebih proaktif dalam menyelaras dan menguruskan tindakan negara-negara ahli dalam menangani kejadian jerebu merentasi sempadan.

Berhubung dengan persoalan berkaitan Perjanjian ASEAN Mengenai Jerebu Merentas Sempadan, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua negara ahli telah meratifikasi Perjanjian tersebut kecuali Indonesia.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO. 11**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MOJILIP**

**BUMBURING (TUARAN)**

**TARIKH 11 OKTOBER 2011 ( SELASA )**

**SOALAN**

**YB Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing (Tuaran) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan mengapa ramai penerima bantuan di bawah Program Cari- cari telah digugurkan tanpa diberi sebab dan penjelasan setelah menerima bantuan hanya dalam beberapa bulan sahaja semenjak program tersebut bermula.**

## JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan Program CARI bermula pada bulan Julai 2008 dan berakhir pada bulan Oktober 2009. Program ini bertujuan untuk mengesan dan membantu keluarga miskin yang masih belum mendapat bantuan daripada Kerajaan.

Program ini dilaksanakan bagi menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan secara segera berdasarkan siasatan awal. Langkah ini amat penting bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat akibat kemelesetan ekonomi dan kenaikan harga minyak global pada ketika itu. **Bantuan ini hanya berbentuk sementara untuk tempoh maksimum 6 bulan sahaja.**

Dalam tempoh 6 bulan tersebut, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat menjalankan siasatan terperinci bagi menentukan sama ada penerima bantuan sementara ini dapat diserapkan ke skim bantuan kebajikan

masyarakat sedia ada. Seterusnya, mereka yang memenuhi kriteria yang ditetapkan akan diberi kelulusan baru untuk menerima bantuan kebajikan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum mengakhiri jawapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersedia untuk meneliti dan menimbang semula sebarang kes permohonan bantuan kebajikan masyarakat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuaran. Maklum balas daripada Ahli Yang Berhormat amat dihargai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**LISAN  
Y.B. TUAN MANOGARAN A/L  
MARIMUTHU (TELOK INTAN)**

**TARIKH**

**11.10.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan murid-murid yang gagal peperiksaan UPSR di darjah enam diwajibkan hadir kelas peralihan (*remove class*) untuk satu tahun. Bolehkah kelas peralihan ini dimansuhkan dan murid-murid terlibat dibenarkan terus pergi ke tingkatan satu dan perhatian dan pengajian yang rapi diberi kepada mereka di tingkatan satu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kelas peralihan (*remove class*) merupakan satu rancangan khusus di sekolah menengah yang berfungsi sebagai perantaraan untuk melicinkan proses peralihan bahasa pengantar daripada bahasa ibunda di sekolah rendah kepada bahasa Kebangsaan di peringkat sekolah menengah. Ia bertujuan untuk membolehkan murid-murid dari Sekolah Jenis Kebangsaan mampu menguasai bahasa Malaysia dengan sebaiknya sebagai persediaan untuk mengikuti pendidikan di sekolah menengah; membolehkan murid berkomunikasi dalam bahasa Malaysia dengan baik; serta memupuk semangat kewarganegaraan dan menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Keputusan mengadakan Kelas Peralihan ini adalah berdasarkan kepada cadangan yang dikemukakan oleh Laporan Rahman Talib (1960) yang kemudiannya diterima pakai. Berikutan daripada itu, Akta Pendidikan telah dipinda dan berkuatkuasa mulai tahun 1961, di mana semua murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dikehendaki mengikuti kelas peralihan selama satu tahun

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada surat KP/KPPM/5(64) bertarikh 14 Oktober 2010, bertajuk Kemasukan Murid-Murid SJKC dan SJKT ke Sekolah- Sekolah Menengah Kebangsaan Tanpa Melalui Kelas Peralihan Bagi Sesi Persekolahan 2011 menyatakan bahawa murid-murid yang lulus sekurang- kurangnya Gred C bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) atau Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS) di Tahap 2 (Tahun 4,5, dan 6) dan berkebolehan berkomunikasi dengan baik bahasa Melayu, diberi kelonggaran untuk terus naik ke Tingkatan 1 tanpa mengikuti Kelas Peralihan.

Rjm 16

**NO. SOALAN: 13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**



[HULU LANGAT]

TARIKH JAWAPAN : 11 OKTOBER 2011 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan opsyen terbaik yang dipilih dalam penjanaan tenaga Negara bagi menggantikan bahan bakar fosil.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini, penggunaan bahan bakar api fosil kekal menjadi pilihan utama bagi penjanaan tenaga elektrik memandangkan teknologi tenaga boleh baharu (TBB) pada masa ini masih belum dapat menggantikan teknologi bahan api fosil yang telah *matured*, dengan izin dan stabil. Peranan TBB adalah bagi menyokong keselamatan tenaga serta mewujudkan campuran bahan api yang mapan.

Pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh Kerajaan sejak Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKe-8) bagi mempelbagaikan lagi bahan api untuk penjanaan tenaga elektrik negara. Antaranya adalah dengan penggubalan Dasar Lima Bahan Api di mana sumber tenaga boleh baharu (TBB) seperti biomas, biogas, hidro kecil dan solar telah dikenal pasti sebagai bahan api kelima selain arang batu, gas, minyak dan empangan hidro untuk penjanaan elektrik. Bagi memastikan sumber TBB dapat memainkan peranan yang lebih signifikan dalam campuran bahan api negara, Kerajaan telah melaksanakan Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu bermula daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang merangkumi beberapa elemen penting dalam memastikan bidang tenaga boleh baharu di negara ini sentiasa berkembang. Antaranya adalah dengan penggubalan dan penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 oleh agensi pelaksana TBB iaitu *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) Malaysia. Di bawah Akta TBB 2011, sumber TBB yang telah dikenal pasti mempunyai potensi untuk dibangunkan di negara ini adalah sumber biomas, biogas, mini-hidro, sisa pepejal dan solar.

Dengan penguatkuasaan Akta TBB 2011, adalah dijangkakan lebih

banyak pemaju dan individu akan mengambil bahagian dalam menjana tenaga elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu di bawah Mekanisme *Feed- in Tarif*, dengan izin, atau (FiT) dan dijangka sebanyak 985MW tenaga boleh baharu (6% daripada campuran bahan api) akan bersambung ke grid menjelang tahun 2015. Akta TBB 2011 dan mekanisme FIT dijadualkan berkuatkuasa pada 1 Disember 2011.

\*\*\*\*\*

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN**

**Y. B. DATO' NORAINI BINTI  
AHMAD [PARIT SULONG]**

**TARIKH**

**11 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

**14**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan hala tuju pembangunan teknologi angkasa negara dan sebanyak manakah komitmen kewangan tahunan yang dilaburkan untuk meneruskan pembangunan teknologi angkasa Malaysia selaras dengan hala tuju ini.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kebanyakan negara yang lebih maju daripada Malaysia telah mendapat manfaat daripada pembangunan sektor angkasa atau secara khususnya pembangunan teknologi angkasa di negara masing-masing. Sektor angkasa mempunyai potensi untuk memberikan pulangan ekonomi kepada negara serta turut berupaya meletakkan Malaysia pada kedudukan strategik di peringkat

antarabangsa.



Program pembangunan teknologi angkasa negara pada masa ini dijalankan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dan *Astronautic Technology Sdn. Bhd.* (ATSB) yang bertanggungjawab dalam pembangunan aktiviti hulu yang memberi tumpuan kepada pembuatan dan pelancaran satelit. Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) yang juga merupakan sebuah agensi di bawah MOSTI menerajui pembangunan aktiviti hiliran yang memberi tumpuan kepada aktiviti perolehan dan pengedaran data-data satelit *remote sensing* serta pembangunan aplikasi *remote sensing* bagi pengurusan pengeluaran pertanian, sumber asli, alam sekitar, bencana, keselamatan dan pembangunan tanah negara yang lebih efektif; dan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) pula bertanggungjawab kepada pembangunan aplikasi dalam bidang kajicuaca.

Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, syarikat-syarikat telekomunikasi dan syarikat swasta yang berkaitan menerajui pembangunan aplikasi dalam bidang penyiaran dan telekomunikasi. Manakala beberapa universiti tempatan seperti UTM, UPM, UKM dan USM pula bertanggungjawab menyediakan latihan kelayakan asas dan terlibat dalam penyelidikan asas dalam bidang teknologi angkasa.

**Tuan Yang Di Pertua,**

MOSTI sedang dalam peringkat akhir penyediaan Dasar Angkasa Negara yang menetapkan hala tuju pembangunan keupayaan negara dalam

sektor angkasa bagi menyokong pembangunan ekonomi baru, penjanaaan ilmu pengetahuan dan pembangunan keupayaan serta memperkukuhkan infrastruktur strategik negara sehingga dan selepas 2020.

Dari segi peruntukan, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM209.17 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi pembangunan sektor angkasa negara. Manakala, di bawah *Rolling Plan* pertama (2011 - 2012) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pula, sejumlah RM93.4 juta telah diperuntukkan. Daripada jumlah ini, RM3.0 juta telah diperuntukkan bagi program pembangunan penyelidikan Sains Angkasa dan Mikrograviti. Sejumlah RM59.6 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan infrastruktur angkasa negara iaitu Pusat Kawalan Konstelasi Satelit dan pembangunan fasiliti angkasa negara iaitu Pusat *Assembly, Integration and Testing* (AIT) yang mana kedua-duanya terletak di Sungai Lang, Banting. Baki sebanyak RM30.8 juta pula telah diperuntukkan untuk Fasa Pertama pembangunan satelit negara bagi tujuan cerapan bumi (*Earth Observation*).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB  
[ LANGKAWI - BN ]

TARIKH 11 OKTOBER 2011 (SELASA)



**SULIT**

SOALAN NO. 15

Dato<sup>1</sup> Paduka Abu Bakar bin Taib [ Langkawi - BN ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan:-

- a) jenis-jenis sukan yang diberi keutamaan selain dari bola sepak dan badminton; dan
- b) apakah jenis sokongan dan bantuan yang diberikan kepada sukan perahu layar yang selama ini mengharumkan nama negara dan tidak mendapat publisiti meluas.

**SULIT**

**JAWAPAN**

1. Kementerian Belia dan Sukan sejak tahun 2004 telah menumpukan pembangunan dan kecemerlangan untuk 19 jenis sukan teras prestasi tinggi dan termasuklah juga sukan pelayaran. Langkah Kementerian melaksanakan penganjuran Sukan Malaysia pada setiap tahun bermula tahun 2011 ini telah membuka peluang kepada lebih banyak jenis sukan untuk dipertandingkan sekali gus dapat menyemarakkan pembangunan di seluruh negara.
2. Jenis-jenis bantuan dan sokongan yang disediakan kepada sukan pelayaran adalah seperti bantuan latihan atlet, kejurulatihan, penganjuran kejohanan, latihan pegawai teknikal/ pengadil/ juri, seminar, dan pengurusan persatuan serta kemudahan tempat latihan di Kompleks Sukan Perahu Layar Kebangsaan di Langkawi.
3. Selain itu, penganjuran kejohanan sukan perahu layar juga sering mendapat publisiti dan liputan daripada media tempatan dan antarabangsa seperti penganjuran Kejohanan KFC-Langkawi Geopark International Regatta Perdana, International Optimist Dinghy Association (IODA) Asia dan IODA Dunia di Langkawi. Begitu juga dengan Kejohanan Piala Monsun (*Monsoon Cup*) di Terengganu.

fJO• A L/vfJ i | 3

NO. AUM : 4-

NOv-A-UP-\*:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ]

11 OKTOBER 2011

TARIKH

4073

RUJUKAN

SOALAN:

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab musabab penghantaran pulang pelarian politik Uighur ke China dan apakah kesudahan nasib mereka.

**Jawapan :**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Kota Raja yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak polis telah menangkap beberapa orang warganegara China kerana disyaki terlibat dalam sindiket penyeludupan manusia ke negara ketiga dengan menggunakan Negara Malaysia sebagai negara transit.

Sehubungan dengan itu, pada 17 Ogos 2011, Kerajaan China telah memohon supaya mereka dihantar pulang ke China untuk tindakan pihak berkuasa China atas dakwaan bahawa mereka terlibat didalam aktiviti penyeludupan manusia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**LISAN  
Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN  
MOHAMED (SEPANG)**

**TARIKH**

**11.10.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [ SEPANG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah Kerajaan bagi memperbaiki kandungan buku teks Bahasa Inggeris terutama di sekolah rendah yang didakwa kurang minat pelajar serta menjadi penyebab pelajar tidak mampu menguasai bahasa itu meskipun selepas 11 tahun belajar di sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil langkah proaktif dalam menyediakan kandungan buku teks Bahasa Inggeris sama ada di peringkat rendah mahu pun menengah. Sehubungan itu, pelbagai langkah telah dilaksanakan, antaranya:

i. Pemantapan Kandungan Buku Teks, seperti:

- Pemilihan penulis dan editor dari kalangan pakar-pakar Bahasa Inggeris.
- Memastikan aspek teknikal seperti spesifikasi, grafik, ilustrasi yang menarik , relevan dengan kandungan buku teks dan sesuai dengan tahap murid.

Menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi mengawal mutu buku teks untuk memastikan buku teks adalah relevan dan bebas daripada kesalahan fakta.

Menjalankan pemantauan yang berterusan ke atas sebarang proses penerbitan, pencetakan dan pembekalan buku teks ke sekolah-sekolah.

Pemilihan Pruf Muka Surat (PMS) Bahasa Inggeris yang terbaik.

KPM juga telah melantik panel yang dianggotai oleh wakil KPM, badan-badan profesional seperti *English Language Teachers College* (ELTC), *Malaysian English Language Teachers Association* (MELTA) dan *British Council* (BC) untuk mengawal selia mutu buku teks Bahasa Inggeris.

Vio- SoAtAto.-  
\\Sr NO-AbHVh:  
43

NOr-AtJ-P—J

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]

TARIKH 11 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4075

SOALAN:

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kanak-kanak tanpa kerakyatan dalam negara dan apakah usaha untuk menjamin hak-hak mereka. Jelaskan sama ada mereka berhak mendapat hak perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan sebagainya.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuantan yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menjalankan fungsi untuk mendaftarkan kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia. Ini diperuntukkan di Bahagian II, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299). Semasa mendaftarkan kelahiran ini ia melibatkan 2 keadaan seperti berikut:

- (i) Kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia yang taraf kewarganegaraannya “Belum Ditentukan” kerana maklumat ibu-bapa yang tidak diperolehi.
  
- (ii) Kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia oleh warga asing yang bukan memiliki taraf kewarganegaraan Malaysia dan mempunyai negara asal.

Dalam hal ini, jumlah kanak-kanak tanpa kerakyatan adalah merujuk kepada kanak-kanak yang taraf kewarganegaraannya “Belum Ditentukan” dan rekod Kementerian bagi lima tahun kebelakangan



ini bermula tahun 2006 sehingga bulan Ogos 2011 menunjukkan terdapat seramai 6,581 orang kanak-kanak yang telah didaftarkan.

Tuan Yang DiPertua,

Berhubung isu perkhidmatan kesihatan dan pendidikan kepada kanak-kanak ini pula adalah di bawah bidang kuasa agensi kerajaan yang berkaitan. Walaubagaimanapun, Kementerian ini menyediakan perkhidmatan mendaftarkan kelahiran kanak-kanak yang terlibat bagi memastikan setiap penduduk di negara ini memiliki dokumen pengenalan diri sama ada bertaraf warganegara atau tidak.

**NO. SOALAN: 19**

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI  
[LEDANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 11 OKTOBER 2011 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT**

### SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

apakah status kemajuan aplikasi teknologi hijau di negara ini dan signifikan ke atas pengurangan pembebasan karbon. Nyatakan juga status kejayaan Green Building di Putrajaya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sememangnya sentiasa mengambil berat dan memberikan penekanan terhadap kemajuan aplikasi teknologi hijau di negara ini. Kementerian saya telah melaksanakan pelbagai inisiatif aplikasi teknologi hijau ke arah mengurangkan kadar pembebasan karbon di negara ini. Antara inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan termasuklah memperkenalkan **Low Carbon Cities Framework (LCCF)**, Program Kebangsaan Pelabelan Hijau, Skim Dana Teknologi Hijau, Program **Energy Efficiency (EE)**, Program **Fleet Test Vehicle (FTV)** bersama PROTON dan Akta Tenaga Boleh Baharu bagi membolehkan penguatkuasaan Skim **Feed-in-Tarif (FIT)**.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi Program Green Building, dua buah bangunan di Putrajaya telah mencapai penarafan bangunan hijau iaitu ***Diamond Building*** yang merupakan bangunan Suruhanjaya Tenaga. Bangunan ini telah memperoleh pensijilan *Green Building Index* (GBI) dan GreenMark sepenuhnya. Bangunan yang kedua adalah bangunan **Perdana Putra, Jabatan Perdana Menteri** yang telah memperoleh pensijilan GBI secara *provisional*. Kerja-kerja *retrofit* di bangunan berkenaan sedang giat dilaksanakan pada masa ini.

Selain daripada bangunan-bangunan yang saya nyatakan sebentar tadi, terdapat juga bangunan-bangunan lain di Putrajaya yang direka bentuk menepati ciri-ciri atau elemen cekap tenaga. Antaranya adalah seperti berikut:

- a) **Bangunan *Low Energy Office* (LEO) KeTTHA** yang siap dibina pada 2004 membolehkan penjimatan tenaga sehingga 57% dan mempunyai sistem penuaian air hujan; dan
- b) **bangunan-bangunan baru yang direka bentuk oleh Putrajaya Holding** yang mempunyai sasaran *Building Energy Index* (BEI) yang rendah di

sekitar 135-150 Kwh/m<sup>2</sup>/year.

Selain itu juga, kebanyakan bangunan Kerajaan sedia ada di Putrajaya telah diterapkan ciri-ciri kecekapan tenaga dalam aspek rekabentuk dan spesifikasinya seperti sistem ***Building Automation System, Lighting Control System, Variable Speed Drive*** dan ***Variable Air Volume*** untuk sistem pendingin hawa dan ***building insulation*** untuk mengurangkan kadar kepanasan masuk ke bangunan melalui bumbung konkrit. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan, adalah didapati bahawa purata ***Building Energy Index (BEI)*** bangunan-bangunan Kerajaan di Putrajaya adalah agak rendah berbanding dengan bangunan-bangunan yang terdapat di tempat lain.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian saya dengan kerjasama daripada agensi-agensi Kerajaan yang lain turut telah melaksanakan pelbagai inisiatif aplikasi teknologi hijau di Putrajaya yang dapat membantu menjimatkan tenaga dan mengurangkan pelepasan karbon. Antaranya adalah seperti berikut:

a) **Program penjimatan 10% tenaga dan air di bangunan Kerajaan**

oleh KeTTHA, GreenTech Malaysia dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Putrajaya. Program ini lebih menjurus kepada kempen-kempen kesedaran amalan hijau di kalangan penghuni dan penyelenggara bangunan di mana beberapa siri latihan asas telah dilakukan berkaitan amalan hijau;

- b) Program penjimatan 10% Tenaga melalui *retrofit* oleh KeTTHA dan JKR Putrajaya. Bangunan Kementerian Kewangan (MOF) dan Bangunan Unit Perancang Ekonomi (EPU) telahpun melalui proses *retrofit* dan menunjukkan penjimatan tenaga. Adalah dianggarkan sebanyak RM2.0 juta setahun dapat dijimatkan melalui program penjimatan 10% tenaga di kedua-dua bangunan tersebut;
- c) Penerapan amalan pengurusan cekap tenaga dalam spesifikasi tender yang dilaksanakan di Putrajaya oleh JKR Putrajaya. Ini bagi memastikan pihak penyelenggara bangunan dapat menerapkan amalan pengurusan cekap tenaga sepanjang tempoh kontrak mereka. Beberapa syarikat penyelenggara yang terpilih telah mula menerapkan amalan pengurusan cekap tenaga. Hal ini ditambah lagi dengan inisiatif yang diambil oleh beberapa pihak penyelenggara untuk menyertai Program *ASEAN Energy Management System* (AEMAS) yang dikelolakan oleh GreenTech Malaysia selaku *focal*

- point* program dan kepakaran dalam bidang tersebut di Malaysia;
- dan
- d) Memasukkan keperluan minimum **MS1525 : Code of Practice On Use of Energy Efficiency and Renewable Energy for Non-residential Buildings** dalam spesifikasi rekabentuk oleh Putrajaya Holding bagi memastikan rekabentuk bangunan baru di Putrajaya menepati ciri-ciri bangunan cekap tenaga; dan
- e) Garis panduan pelaksanaan arahan penjimatan tenaga melalui penetapan suhu pada tahap minimum 24°C di semua bangunan Kerajaan untuk diedarkan kepada semua Kementerian/jabatan/agensi Kerajaan yang berkenaan sebagai langkah pengurangan perbelanjaan kos utiliti Kerajaan.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah mensasarkan sebanyak 11% penjanaan tenaga adalah melalui Tenaga Boleh Baharu di dalam campuran bahan api pada tahun 2020 di mana sasaran ini dijangka akan dapat mengurangkan pembebasan karbon sebanyak 42 juta tan.

Sehingga kini, berdasarkan hasil laporan *roadmap* bagi mengurangkan intensiti karbon yang diterbitkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, kadar pelepasan karbon yang berjaya dielakkan adalah sebanyak 4.544 juta tan CO<sub>2</sub>eq melalui Program *Energy Efficiency*, 6.187 juta tan CO<sub>2</sub>eq melalui Program Pengurusan Sisa (kitar semula kertas) dan 19 juta tan CO<sub>2</sub>eq melalui Program Tenaga Boleh Baharu.

Selain daripada itu, dengan pelaksanaan pelbagai program mitigasi, Kerajaan mensasarkan potensi pengurangan CO<sub>2</sub> sebanyak 108.89 juta tan CO<sub>2</sub>eq akan dapat dikurangkan melalui aktiviti-aktiviti dalam sektor tenaga, proses industri, sisa, pertanian dan perubahan guna tanah dan perhutanan.

Kerajaan sememangnya mengambil berat tentang isu alam sekitar dan sentiasa melaksanakan segala aktiviti berlandaskan aplikasi teknologi hijau ke arah pembangunan mapan untuk negara. Namun begitu, usaha menangani isu-isu pembebasan karbon bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata. Oleh yang demikian, saya menggesa agar ahli-ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama berganding bahu ke arah memajukan negara berteraskan pembangunan mapan.

\*\*\*\*\*

**SOALAN NO: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN:**

**LISAN**

**DARIPADA: TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 11 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ] minta PERDANA MENTERI**

menyatakan rancangan reformasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia memandangkan Suruhanjaya Siasatan Diraja terhadap kematian Teoh Beng Hock telah memberi penilaian yang teruk terhadap institusi tersebut. Apakah hukuman yang akan dijatuhkan kepada ketiga-tiga pegawai terlibat yang menggunakan cara berterusan, agresif dan tidak sesuai.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menubuhkan Pasukan Khas bagi membincangkan penambahbaikan sepertimana cadangan Suruhanjaya Siasatan DiRaja (SSD) dengan



menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Transformasi (JET) yang bertanggungjawab dengan dalam meningkatkan prestasi kualiti, pentadbiran mekanisme penyeliaan, memantau dan melaksanakan reformasi struktur dan pengurusan SPRM, keberkesanan siasatan, memantapkan pencapaian fungsi operasi melalui pembangunan modal insan, memajukan keupayaan siasatan perakaunan forensik serta memperhalusi usaha-usaha SPRM yang sedia ada bagi mengesan sebarang kelemahan serta mengambil tindakan pemulihan segera bagi memacu ke arah peningkatan tahap kualiti Operasi SPRM.

Jawatankuasa Eksekutif Transformasi (JET) akan melihat pada masa kini secara keseluruhan struktur dan mengkaji semula semua sistem dan prosedur operasi SPRM. Jawatankuasa ini terdiri daripada 4 orang Pengurusan Tertinggi SPRM, 4 orang ahli jawatankuasa dan panel SPRM serta 2 orang pakar undang-undang termasuk seorang ahli SSD. JET turut membawa pakar dari dalam dan luar negara untuk membantu JET menilai dan melaksanakan penambahbaikan yang dicadangkan. Selain daripada itu pihak PEMANDU juga turut membantu JET.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan Yang Berhormat juga, hukuman terhadap ketiga-tiga pegawai SPRM yang terlibat, ianya belum lagi berbangkit untuk diputuskan kerana ia bergantung kepada hasil siasatan dalaman yang telah dijalankan. Walau bagaimanapun ketiga-tiga pegawai berkenaan telah dikecualikan daripada sebarang

tugas operasi siasatan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** DATO' SRI ONG TEE KEAT [ PANDAN ]  
**TARIKH** 11 OKTOBER 2011  
**RUJUKAN** 4076

**SOALAN:**

Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kriteria yang telah dipersetujui oleh kedua-dua Kerajaan Australia dan negara kita dalam program pertukaran suaka baru-baru ini. Sila berikan butiran pecahan mengikut kewarganegaraan suaka yang dijangka bakal diterima oleh kedua-dua pihak.



~~JAWAPAN~~ di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pandan yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, dokumen Aturan mengenai Penghantaran dan Penempatan Pemohon Suaka / Pelarian di antara Malaysia dan Australia telah ditandatangani pada 25 Julai 2011. Kerjasama dua hala ini menyokong dan adalah selaras dengan kerangka kerjasama serantau yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Keempat Peringkat Menteri *Bali Process* di Bali, Indonesia pada 30 Mac 2011.

Antara komponen-komponen utama yang terkandung di dalam dokumen Aturan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Australia akan menghantar sehingga 800 pemohon suaka yang ditahan di perairan negara tersebut;
- ii. Australia pula akan menerima 4,000 orang pelarian sedia ada di Malaysia yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pelarian (UNHCR) bagi tujuan penempatan semula di negara tersebut;
- iii. Penghantaran pemohon suaka ke Malaysia adalah dalam tempoh 72 jam selepas dipintas di perairan Australia;

- iv. Pemohon suaka yang akan dihantar ke negara ini akan terlebih dahulu diberikan kelulusan tapisan keselamatan oleh Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia;
- v. Malaysia telah meletakkan syarat bahawa cadangan pertukaran ini hanya boleh dilaksanakan dengan persetujuan dan penglibatan UNHCR dan Pertubuhan Antarabangsa mengenai Migrasi (IOM);
- vi. Pemohon suaka tersebut akan ditempatkan di pusat transit bagi satu tempoh masa yang singkat di negara ini sebelum mereka dibenarkan ke dalam komuniti.
- vii. Semasa di pusat transit, tapisan keselamatan dan saringan kesihatan lebih lanjut akan diadakan terhadap pemohon suaka tersebut;
- viii. Malaysia akan memastikan layanan terhadap pemohon suaka di bawah Aturan ini tidak berbeza dengan layanan yang diterima oleh pelarian sedia ada di negara ini;
- ix. Malaysia akan turut serta dalam kapasiti sebagai pemerhati dalam proses penempatan semula pelarian sedia ada di negara ini ke Australia; dan
- x. Australia akan menanggung segala kos bagi melaksanakan Aturan ini dengan Malaysia di mana Parlimen negara tersebut telah

meluluskan peruntukan kewangan susulan kenyataan bersama Perdana Menteri kedua-dua negara pada 7 Mei 2011.

Lazimnya, pemohon-pemohon suaka yang tiba di perairan Australia dengan menggunakan bot haram melibatkan warga Afghanistan, Iran, Pakistan, Iraq dan Sri Lanka. Warga daripada negara-negara ini adalah merupakan golongan majoriti yang dijangka dihantar ke Malaysia oleh Australia di bawah Aturan mengenai Penghantaran dan Penempatan Pemohon Suaka / Pelarian ini.

Walau bagaimanapun buat masa ini, penghantaran pemohon suaka dari Australia ke Malaysia tidak dapat dilaksanakan kerana injuksi tetap yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Australia negara tersebut pada 31 Ogos 2011.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SIM HONG TIM  
[KOTA MELAKA]

TARIKH 11 OKTOBER 2011

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan tahunan kawasan Parlimen di seluruh negara dari tahun 2001 hingga 2010.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen di seluruh negara mengikut tahun dari 2001 hingga 2010 adalah seperti berikut:



TAHUN	KADAR PERUNTUKAN (RM)
2001	500,000.00
2002	500,000.00
2003	500,000.00
2004	600,000.00
2005	550,000.00
2006	2.0 juta
2007	1.0 juta
2008	1.5 juta
2009	1.2 juta
2010	1.5 juta

**MESYUARAT KETTGA, PENGGAL KEEMPAT PARUMEN  
KEDUABELAS PEMBENTANGAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**JAWAB USAN**

**DARIPADA**

**YB DATUK ABG. RAHMAN BIN**

**BAKRI (SABAK BERNAM)**

**TARIKH**

**11 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah mencapai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi Infrastruktur Asas Luar Bandar khusus bagi pembinaan jalan luar bandar, bekalan air bersih, bekalan elektrik luar bandar dan program bantuan rumah.  
**Tuan Yang di-Pertua,**

Bermula tahun 2010 hingga tahun 2011, **sasaran** Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) infrastruktur asas luar bandar

## **JAWAPAN**

merangkumi pembinaan jalan luar bandar (**JALB**) sepanjang **1,657.05km**, penyaluran bekalan air bersih/terawat (**BALB**) kepada **128,268 buah rumah**, penyambungan bekalan elektrik (**BELB**) kepada **52,194 buah rumah** dan penyediaan serta menaik taraf rumah (**PBR**) sebanyak **25,772 buah rumah**.

Status pencapaian projek-projek NKRA infrastruktur asas luar bandar sehingga **31 Ogos 2011** adalah seperti berikut:

- i. Pembinaan **JALB** sepanjang **1,340.02km**;
- ii. Penyaluran **BALB** kepada **52,695 buah rumah**;
- iii. Penyambungan **BELB** kepada **32,513 buah rumah**; dan
- iv. Pembinaan dan menaik taraf PBR sebanyak **22,071 buah rumah**.

Bagi tempoh yang sama, projek NKRA infrastruktur asas luar bandar juga telah memberi **manfaat kepada penduduk** dengan pecahan seperti berikut:

- i. Seramai 914,743 orang untuk Program JALB;
- ii. Seramai 263,475 orang di bawah Program BALB;
- iii. Hampir 162,565 orang penduduk menerima manfaat di bawah Program BELB; dan
- iv. Sejumlah 110,355 orang penduduk mendapat manfaat di bawah

## Program Bantuan Rumah (PBR).

Kerajaan akan terus berusaha memastikan pelaksanaan projek-projek infrastruktur asas NKRA dapat disiapkan mengikut jadual dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN

[ KULIM BANDAR BARU ]

TARIKH

11 OKTOBER 2011 ( SELASA)

SOALAN

Dato" Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

- (a) apakah tindakan yang diambil terhadap pembohongan oleh seorang bernama Cikgu Badrul mengenai kononnya YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor telah membeli cincin berlian bernilai RM24.45 juta; dan
- (b) tidak sudah mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap pihak yang memberikan maklumat bohong dan palsu kepada akhbar Kompas dari Indonesia sehingga mereka menerbitkan berita pembohongan

mengenai YAB. Perdana Menteri dan YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada apa-apa tindakan yang diambil ke atas Cikgu Badrul mengenai kenyataan kononnya YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor telah membeli cincin berlian bernilai RM24.45 juta tersebut.
  
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, akhbar Kompas dari Indonesia pada 21 Ogos 2011 telahpun mengemukakan permohonan maaf secara terbuka kepada YAB Perdana Menteri dan Isteri mengenai laporan yang tidak benar sepertimana yang diterbitkan di akhbar berkenaan. Dari itu, perkara ini dianggap selesai.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN  
Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH  
(LIMBANG)

TARIKH

11.10.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [ LIMBANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan akan memindahkan SK Tanjong di Limbang yang semakin berbahaya akibat hakisan dekat ke kawasan sekolah sebagaimana yang telah diluluskan pada pertengahan tahun 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pemindahan SK Tanjong di Limbang tidak dapat dilaksanakan dalam '*First Rolling Plan*' disebabkan tapak baru belum diperoleh. Walau bagaimanapun, pada masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia sedang dalam proses membuat permohonan bagi mendapatkan tapak tersebut dan dicadang projek ini dilaksanakan dalam '*Second Rolling Plan*' Rancangan Malaysia Ke-10.

|v/0 £oA L/rJ • 2  
6 NO. AUM“. 24\*

NØr-AUR-:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG [ BUKIT BENDERA ]  
TARIKH 11 OKTOBER2011  
RUJUKAN 4078

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan syarat-syarat permohonan lesen syarikat kawalan keselamatan, bilangan syarikat kawalan keselamatan di seluruh negara serta bilangan pengawal keselamatan warga Malaysia dan warga asing.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini,



**JAWAPAN:**

Kementerian Dalam Negeri telah menetapkan syarat permohonan lesen Agensi Persendirian di bawah Seksyen 3, Akta Ejen Persendirian 1971 bagi permohonan lesen 2(a) (syarikat kawalan keselamatan) adalah mengikut syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) Salah seorang pemegang saham terdiri daripada sekurang-kurangnya bekas pegawai tinggi Polis DiRaja Malaysia atau Angkatan Tentera DiRaja Malaysia yang berpangkat sekurang-kurangnya SAC II **ATAU** Kolonel yang memegang 30% ekuiti saham syarikat; **ATAU**
- (b) Salah seorang terdiri daripada sekurang-kurangnya bekas pegawai awam dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional yang pernah berkhidmat dalam sektor keselamatan selama sekurang-kurangnya lima (5) tahun yang berpangkat sekurang-kurangnya gred 52 atau yang mempunyai sijil kursus keselamatan atau yang setaraf dengannya memegang 30% ekuiti saham syarikat.
- (c) Hendaklah ditubuhkan syarikat Sdn. Bhd.
- (d) Mempunyai modal berbayar RM300,000.00.
- (e) Pegangan saham syarikat dimiliki oleh Bumiputra sebanyak 70%.

Tuan Yang Di-Pertua,

Manakala bagi lesen 2(b) (penyiasat persendirian dan penyelaras insurans), syarat-syarat yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (a) Salah seorang pemegang saham terdiri daripada sekurang-kurangnya bekas pegawai Polis DiRaja Malaysia atau Tentera DiRaja Malaysia yang berpangkat sekurang-kurangnya ASP atau Kapten yang memegang 30% ekuiti saham syarikat.
- (b) Hendaklah ditubuhkan syarikat Sdn. Bhd.
- (c) Mempunyai modal berbayar RM50,000.00

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2011 jumlah syarikat kawalan keselamatan yang berdaftar dengan Kementerian adalah sebanyak 584 syarikat.

Jumlah pengawal keselamatan warganegara Malaysia adalah seramai 160,000 orang. Manakala pengawal keselamatan warganegara Nepal (bekas tentera) adalah seramai 1,049 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**JAWAB LISAN**

**TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG**

**[ SIBUTI ]**

**TARIKH**

**11 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah pihak SKMM dan Kementerian telah membuat pemeriksaan kualiti Netbook 1 Malaysia yang diedarkan memandangkan banyak aduan diterima bahawa ianya mudah rosak.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan Program Pengagihan 1juta Komputer Riba 1 Malaysia secara berperingkat dalam tiga (3) fasa. Setakat ini, Fasa 1 dan Fasa 2 telah dilaksanakan yang melibatkan pengagihan sebanyak 472,900 unit Komputer Riba 1 Malaysia yang tertumpu kepada pelajar-pelajar sekolah dengan peruntukan sebanyak RM473 juta. Untuk pengguna awam yang berkelayakan, pengagihan akan dilakukan pada Fasa 3 yang dijangka dilaksanakan pada penghujung tahun ini.

## SOALAN NO: 27

Memandangkan peruntukan komputer riba 1 Malaysia yang terhad, penyaringan senarai penerima telah dilakukan melibatkan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), sekolah-sekolah yang terlibat dan Ketua Masyarakat Setempat. Senarai ini akan diteliti oleh SKMM bagi memastikan ia mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Satu kajian impak Program Pengagihan Komputer Riba 1 Malaysia sedang diadakan dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) di seluruh negara. Ia melibatkan penerima komputer riba 1 Malaysia iaitu para pelajar, ibu bapa, guru-guru dan ketua-ketua masyarakat. Skop kajian ini melibatkan keseluruhan aspek pelaksanaan program ini merangkumi perkakasan komputer yang dibekalkan, perkhidmatan jalur lebar, keberkesanan penggunaan, permasalahan dan kebaikan yang diperolehi melalui program ini. Kajian impak ini dijangka siap pada akhir bulan Oktober 2011.

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]

**TARIKH JAWAPAN** : 11 OKTOBER 2011

#### **SOALAN**

Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan mengenai 6 buah lebuhraya yang diumumkan dalam ucapan Bajet 2011, termasuk sama ada tawaran dibuat secara tender terbuka, pihak dan jangka masa konsesi, kos kepada kerajaan, kadar tol, jangka masa, tahap dan kos pembinaan untuk setiap lebuhraya.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

6 buah lebuhraya yang sedang dirancang sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2011 adalah seperti berikut:

1. Lebuhraya Bertingkat Ampang - Pandan - Cheras
2. Lebuhraya Guthrie - Damansara
3. Lebuhraya Damansara - Petaling Jaya
4. Lebuhraya Pantai Barat (Banting-Taiping)
5. Lebuhraya Sungai Dua - Juru
6. Lebuhraya Paroi- Senawang - KLIA

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa projek-projek lebuhraya yang sedang dirancang tersebut merupakan projek-projek lebuhraya bertol dan dilaksanakan melalui pendekatan penswastaaan atau perkongsian awam swasta (*public private partnership* - PPP). Secara umumnya, syarikat konsesi bagi sesuatu

projek lebuhraya akan membangunkan lebuhraya tersebut dengan pembiayaan mereka sendiri dan Kerajaan hanya akan membenarkan syarikat konsesi tersebut untuk mengutip tol dengan kadar dan tempoh konsesi tertentu tertakluk kepada rundingan lanjut dengan pihak Kerajaan.

Status perkembangan berhubung rancangan kerajaan untuk melaksanakan projek- projek lebuhraya tersebut adalah pelbagai. Daripada 6 rancangan lebuhraya tersebut, ada yang telah mendapat kelulusan secara prinsip dan ada juga yang masih dalam penelitian kerana beberapa isu yang perlu diselesaikan oleh Kerajaan.

Apabila sesuatu projek telah diluluskan secara prinsip oleh kerajaan (Jemaah Menteri), kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan akan mengambil tindakan lanjut untuk mengkaji aspek-aspek teknikal dan aspek-aspek kewangan

projek termasuk merundingkan setiap perincian projek sama ada dari segi teknikal dan juga kewangan dengan syarikat konsesi. Perincian-perincian projek tersebut akan diterjemahkan dalam draf perjanjian konsesi dan draf perjanjian konsesi tersebut akan diangkat semula untuk kelulusan muktamad oleh Kerajaan (Jemaah Menteri).

Sehubungan itu, maklumat berhubung kos projek, kadar tol, tempoh konsesi, tempoh pembinaan dan lain-lain perincian teknikal mahupun kewangan masih belum dimuktamadkan kerana ia masih di peringkat kajian terperinci (bagi projek yang telah mendapat kelulusan prinsip).

Bagi projek penswastan dan PPP, prosedur semasa yang digunakan oleh Kerajaan mengikut turutannya, antara lain, seperti berikut:

1. Cadangan-cadangan projek dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS);
2. Perakuan dibuat oleh JKAS untuk kelulusan secara prinsip;
3. Kelulusan prinsip diberikan oleh Kerajaan (Jemaah Menteri);
4. Kajian lanjut berhubung teknikal dan kewangan serta rundingan dengan syarikat konsesi termasuk memuktamadkan draf perjanjian konsesi;

5. Perakuan dibuat oleh JKAS untuk kelulusan draf perjanjian konsesi (Jemaah Menteri);
6. Kelulusan draf perjanjian konsesi;
7. Tandatangan perjanjian konsesi dan projek dimulakan.

No. S'OA t-A^J -  
29 **NORAU M : 10**

**NORAU P :**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :            LISAN  
DARIPADA                TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [ KULAI ]  
TARIKH                    11 OKTOBER 2011  
RUJUKAN                 4074

SOALAN:

Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [ Kulai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh PDRM supaya kegiatan perjudian dalam premis '*cyber cafe*' haram atau premis yang tidak berlesen yang mengendalikan aktiviti perjudian pelbagai mesin permainan (*gaming machine*) termasuk di kawasan Parlimen Kulai, Johor dapat dihapuskan dengan berkesan.



## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian memandang serius dan amat peka kepada permasalahan perjudian haram terutamanya kegiatan mesin perjudian berkomputer haram yang beroperasi dengan bertopengkan kafe siber. Kementerian juga sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dalam menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Beberapa langkah telah diambil untuk membanteras kegiatan yang dijalankan ini. Antara langkah-langkah pencegahan yang diambil adalah seperti berikut

1. Menjalankan risikan ke atas individu-individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan mesin perjudian berkomputer haram dan menuduh mereka dibawah undang-undang yang berkaitan;

( Mengadakan operasi-operasi semasa ke atas tempat- tempat yang telah dikenalpasti menjalankan kegiatan mesin perjudian berkomputer haram;

Mempertingkatkan kerjasama dengan pihak Pihak Berkuasa Tempatan dalam menguatkuasakan Enakmen tempat-tempat hiburan negeri-negeri; dan

Membuat permohonan pemotongan bekalan elektrik di bawah Seksyen 21 A, Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dengan kerjasama pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB).

**NO. SOALAN : 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**PUAN TEO NIE CHING**

**[SERDANG]**

**TARIKH**

**11 OKTOBER2011 (SELASA)**

## SOALAN

Puan Teo Nie Ching [ Serdang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesahihan tuduhan bahawa isteri Perdana Menteri mempunyai bahan-bahan jenama yang bernilai berjuta-juta ringgit termasuk cincin berlian yang bernilai USD24.4 juta dan beg tangan Birkin.

**JAWAPAN:**  
Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan mengenai isteri YAB Perdana Menteri mempunyai cincin berlian bernilai USD24.4 juta adalah tidak benar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

PUAN TAN AH ENG

[ GELANG PATAH ]

TARIKH JAWAPAN : 11 OKTOBER 2011 (SELASA)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

## JAWAPAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan

- (a) adakah Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempunyai niat untuk menukarkan meter digital di seluruh negara; dan
- (b) langkah-langkah Kementerian untuk memastikan bayaran bil elektrik tidak akan meningkat 20% selepas pertukaran meter digital.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Meter jenis elektromekanikal Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang dipasang di premis pengguna dan didapati telah melebihi tempoh 15 tahun perlu diganti kepada meter jenis elektronik yang baru supaya penggunaan elektrik dapat direkodkan dengan tepat. Penentuan tempoh 15 tahun ditentukan berdasarkan kepada tarikh meter lama dipasang di premis pengguna. Amalan penukaran meter lama ini adalah selaras dengan amalan utiliti - utiliti lain di dunia dan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Memandangkan meter jenis elektronik akan merekodkan penggunaan

## NO. SOALAN : 31

elektrik dengan lebih tepat berbanding meter lama jenis elektromekanikal, pihak TNB menganggarkan peningkatan di dalam bil elektrik selepas penukaran meter hanyalah sekitar 2% sahaja. Selain disebabkan penukaran meter, peningkatan jumlah bil elektrik kebiasaannya disebabkan oleh faktor-faktor seperti perubahan cuaca panas, musim perayaan,

pertambahan jumlah isi rumah dalam tempoh tertentu, penggunaan elektrik yang tidak berhemah, meter lama diusik dan kenaikan tarif elektrik.

Saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa aduan-aduan yang disiarkan di dalam akhbar mengenai jumlah bil elektrik meningkat selepas penukaran meter lama adalah tidak tepat. Hasil semakan pihak TNB didapati 85% daripada jumlah aduan berkenaan sebenarnya adalah berkaitan dengan kes pengusikan meter (*meter tampering*), dengan izin.

Dalam melaksanakan proses penukaran meter lama ini, pihak Kementerian bersama Suruhanjaya Tenaga akan memantau dan memastikan operasi penukaran meter lama oleh pihak TNB dilaksanakan secara berhemah, telus dan teratur serta tidak akan menyebabkan peningkatan bil elektrik secara mendadak.

\*\*\*\*\*

## JAWAPAN

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN  
[ SEPANGGAR]

DARIPADA 11 OKTOBER 2011

TARIKH 4079

RUJUKAN  
LISAN

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan rakyat dari Sabah dan Sarawak yang terbabit dalam jenayah di Semenanjung dan jumlahnya mengikut suku bangsa di Sabah.



Tuan Yang Dipertua,

(00 SdALA^i 3 2-

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sejak tahun 2009 hingga Ogos 2011, seramai 891 orang penduduk dari Sarawak dan 2,369 orang penduduk dari Sabah telah ditangkap kerana terlibat dalam kesalahan jenayah yang dilakukan di Semenanjung Malaysia. Jumlah tangkapan mengikut pecahan tahun dan kaum adalah seperti berikut:

**(i) Sarawak**

Bangsa / Suku Kaum (Sarawak)	Tangkapan		
	2009	2010	2011 (sehingga Ogos)
Melayu	128	127	132
Cina	88	85	57
Dayak	7	4	
Iban	129	81	42
Melanau	7	2	2
Jumlah	359	299	233

**(ii) Sabah**

Bangsa/Suku Kaum (Sabah)	Tangkapan		
	2009	2010	2011 (sehingga Ogos)
Melayu	251	681	256
Cina	88	85	29
Bajau	459	44	32
Bidayuh	24	11	9
Dusun	113	25	16
Kadazan	93	35	19
Mu rut	26	16	2
Rungus	10	3	2
Sungai	24	11	5
Jumlah	1,088	911	370

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB. TUAN LIANG TECK MENG**

**[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH JAWAPAN  
DI DEWAN RAKYAT**

**: 11 OKTOBER 2011 (SELASA)**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan Prosedur Standard Operasi/ Standard Operation Procedure TNB apabila memotong atau menukar meter elektrik rumah kediaman/ kondominium/ kilang bagi mengelakkan salah faham dan tuduh-menuduh antara TNB dan pengguna.



Tuan Yang Dipertua,

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Prosedur Standard Operasi (*Standard Operation Procedure* - SOP) yang dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) apabila memotong bekalan elektrik adalah seperti berikut:

- i. Pengguna diberi tempoh selama 30 hari daripada tarikh bil elektrik untuk menjelaskan bil elektrik berkenaan. Sekiranya pembayaran bil elektrik tidak diterima dalam tempoh 30 hari, TNB dibenarkan di bawah Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 untuk mengeluarkan notis pemotongan bekalan kepada pengguna terlibat;
- ii. Seterusnya, pihak pengguna diberi tempoh selama 7 hari bekerja lagi untuk menjelaskan tunggakan bil elektrik berkenaan. Sekiranya pengguna masih lagi tidak menjelaskan tunggakan berkenaan, TNB dibenarkan untuk mengeluarkan notis arahan pemotongan bekalan seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 4(1) dan 4(2) Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen (Pindaan) 2002.

Pada ketika ini, TNB akan memotong bekalan elektrik di premis pengguna berkenaan.

Bagi penukaran meter pula, TNB menukar meter berdasarkan kepada 3 sebab iaitu kerosakan meter, meter lama yang dipasang di premis pengguna telah melebihi tempoh 15 tahun dan pengusikan meter (*meter tampering*), dengan izin.

TNB dapat mengenal pasti meter rosak berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada sistem pengebilan yang diguna pakai dan akan melaksanakan penukaran meter yang rosak tersebut dengan kadar segera. Dalam ke sedemikian, TNB dibenarkan untuk menuntut caj terkurang di bawah Peraturan 11 (2) Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 dengan melaksanakan pengebilan ke belakang dalam tempoh maksima 3 bulan sahaja. Jumlah pengebilan ke belakang ditentukan berdasarkan kepada purata penggunaan selama 3 bulan dari tarikh meter baru dipasang.

Bagi penukaran meter lama pula, amalan penukaran meter lama ini telah diamalkan oleh utiliti - utiliti lain di dunia. Bagi kes sedemikian, TNB juga

dapat mengenalpasti meter lama yang dipasang di premis pengguna melebihi 15 tahun daripada sistem pengebilan yang diguna pakai. Meter lama jenis elektromekanikal di premis pengguna akan digantikan dengan meter baru jenis elektronik.

SOP yang dilaksanakan oleh pihak TNB apabila menukar meter lama adalah seperti berikut:

- i. TNB akan memajukan notis makluman awal penukaran meter lama kepada pengguna sekurang - kurangnya 48jam sebelum penukaran meter dilaksanakan;
- ii. Semasa TNB berada di premis pengguna, TNB sekali lagi akan menyerahkan surat penukaran meter kepada pengguna; dan
- iii. Seterusnya, TNB akan menanggalkan meter lama dan memasang meter elektronik yang baru.

Pengguna tidak perlu membuat sebarang bayaran bagi kos penukaran meter lama kerana ia dibiayai sepenuhnya oleh TNB dan tiada sebarang pengebilan ke belakang akan dibuat.

Bagi kes pengusikan meter pula, tindakan ini merupakan satu kesalahan

di bawah subseksyen 37(3) Akta Bekalan Elektrik 1990. Sekiranya pihak TNB mempunyai bukti yang kukuh bahawa berlaku pengusikan meter, SOP yang akan diguna pakai adalah:

- i. TNB akan memaklumkan dan menunjukkan bukti kepada pengguna terlebih dahulu mengenai kejanggaran yang dikenal pasti pada meter berkenaan. Pengguna boleh mendapatkan maklumat dan penjelasan kes sebelum surat tuntutan dikeluarkan. Tindakan ini akan mengurangkan aduan surat tuntutan kehilangan yang tinggi, tanpa penjelasan dan tidak mesra;
- ii. Seterusnya, pihak TNB berhak untuk memotong bekalan dan melaksanakan pengebilan ke bekalang bagi menuntut kembali apa-apa kerugian hasil daripada tindakan pengusikan ke atas pemasangan TNB selaras dengan peruntukan subseksyen 38(3) Akta Bekalan Elektrik 1990. Tempoh pengebilan ke belakang adalah berdasarkan kepada tarikh mula pengusikan terhadap meter dikenalpasti. TNB akan memajukan jumlah bil kepada pengguna dan pihak pengguna dimohon untuk memberikan maklumbalas mengenai kes pengusikan meter dan jumlah tuntutan bil tersebut.



- iii. Pengguna turut diberi pilihan untuk menjelaskan jumlah tuntutan secara berperingkat. Sekiranya pengguna tidak bersetuju dengan jumlah tuntutan yang dibuat, pengguna dikehendaki mengemukakan bahan bukti seperti tarikh mula menghuni premis berkenaan dan rekod pengeluaran produk kilang di mana TNB akan mengambil kira bukti - bukti tersebut dalam menentukan jumlah tuntutan bil kepada pengguna.

SOP bagi kes pengusikan meter yang diguna pakai oleh TNB telah mengalami penambahbaikan yang lebih menjurus kepada faktor ketelusan dan mesra pelanggan. Bermula pada 15 September 2011, pihak Badan Bukan Kerajaan (Non-Government Organisation), dengan izin, turut dijemput sebagai pemerhati bagi sesi rundingan antara pihak TNB dan pengguna.

Saya juga ingin jelaskan di sini bahawa pemotongan bekalan elektrik terhadap pengguna yang tidak memberi sebarang maklumbalas merupakan tindakan terakhir yang akan dilaksanakan oleh pihak TNB.

\*\*\*\*\*



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)**

**TARIKH**

**11 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

**Meminta MENTERI PELANCONGAN  
menyatakan:**

Menyatakan sama ada Kementerian akan menganjurkan Malaysia International Tourism Expo 2011, butir-butir terperinci mengenai ekspo tersebut, kos penganjurannya dan syarikat manakah yang dilantik untuk menganjurkan ekspo tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,  
JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, Kementerian Pelancongan tidak menganjurkan Malaysia International Tourism Expo tetapi ianya dianjurkan oleh syarikat My Events Sdn. Bhd.

Walau bagaimanapun, ekspo ini disokong oleh Kementerian Pelancongan kerana ia merupakan salah satu platform untuk mempromosi dan memperbanyakkan penjualan produk-produk pelancongan domestik negara termasuk industri MICE memandangkan negara masih tidak mempunyai acara tahunan pelancongan antarabangsa seumpama ini seperti di Singapura, Thailand dan China.

Menurut My Events Sdn. Bhd, butir-butir ekspo ini adalah seperti berikut:

- a) Dicapai diadakan pada bulan Mei 2012 di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) di Serdang, Selangor;
- b) Akan disertai oleh penggiat industri pelancongan negara, pengusaha Homestay, *Malaysia My Second Home* (MM2H),

pengusaha MICE tempatan, negeri-negeri di Malaysia serta pengusaha-pengusaha pelancongan dan *National Tourism Organizations* (NTOs) luar negara;

- c) Ekspo ini mensasarkan kehadiran 600 pempamer dari dalam dan luar negara, 200 pembeli antarabangsa dengan jangkakan 450,000 pengunjung sepanjang program berlangsung; dan
- d) Beberapa seminar dan lawatan produk pelancongan negara turut dijadualkan kepada pembeli antarabangsa bagi mempromosi dan memberi keyakinan kepada pembeli antarabangsa.

Kos penganjuran ekspo ini masih belum dimuktamadkan oleh pihak My Events Sdn. Bhd. Namun demikian Kementerian Pelancongan melalui agensinya Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB) akan menyokong dengan pembiayaan kos sewaan tapak yang tidak melebihi 20% daripada kos penganjurannya di bawah Skim Bantuan '*Subvention Fund*'. Kos sewaan sebenar akan diteliti dan dibincangkan dengan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, tuan punya tapak tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN : 36

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

PUAN FONG PO KUAN

[ BATU GAJAH ]

TARIKH

11 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapakah slot siaran iklan berkenaan perhimpunan BERSIH yang telah dibeli dan kosnya di dalam saluran televisyen.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, tiada sebarang isian iklan berkenaan perhimpunan haram seperti 'BERSIH' disiarkan dimana-mana saluran televisyen swasta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

NO. SOALAN : 37

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN GWO-BURNE LOH

[KELANA JAYA]

TARIKH

11 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha yang diambil dalam mengurangkan kos sewa kediaman, kos baik pulih serta bil elektrik dan air bagi kediaman rasmi YAB Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.





**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin dan berusaha di dalam memastikan pengurusan nilai diberikan keutamaan di samping mengamalkan perbelanjaan secara berhemah. Antara usaha- usaha yang telah ambil bagi mengurangkan kos baik pulih serta bil utiliti adalah dengan melaksanakan pemantauan kepada trend penggunaan secara bulanan sebagai aspek kawalan, menggunakan peralatan cekap tenaga, pemilihan kontraktor penyelenggaraan yang berwibawa dan penerapan amalan penjimatan tenaga di semua peringkat.

Sekian, terima kasih.

MO • SOAIAW  
: 21-~~NO-~~-AUM-:  
33

*NQT-AUP-:*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ ALOR  
GAJAH ]  
TARIKH 11 OKTOBER 2011  
RUJUKAN 4082

**SOALAN:**

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa serangan arsonis terhadap pelajar-pelajar di sekitar bandar Universiti Kampar yang sudah berlaku selama berbulan tidak ditangani serta apa tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk menangkap penjenayah-penjenayah serta membendung gejala tersebut.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Alor Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang rnullia ini, Kementerian memandang serius mengenai perkara berkenaan dan telah melakukan tindakan yang sewajarnya dalam menangani kes tersebut. Sebanyak 14 laporan kejadian kebakaran di kawasan kediaman pelajar-pelajar Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kampar, di Taman Perdana, Kampar telah diterima. Siasatan dijalankan dibawah seksyen 435 Kanun Keseksaan. Hasil daripada siasatan yang telah dijalankan, seorang suspek telah ditahan bagi membantu siasatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan segera telah diambil oleh pihak polis bagi mencegah kejadian berkenaan dari berterusan. Satu perbincangan telah diadakan diantara pihak Polis IPD Kampar dengan wakil pengurusan UTAR dan juga wakil-wakil pelajar UTAR bagi mencari jalan untuk mencegah kejadian seperti yang dilaporkan. Sehingga kini, tiada lagi kejadian kebakaran dilaporkan berlaku di kediaman pelajar UTAR di

Taman Perdana, Kampar. Walau bagaimanapun, siasatan masih diteruskan di mana satu pasukan khas telah ditubuhkan bagi membantu siasatan dan juga mendapatkan maklumat untuk menangkap mereka yang bertanggungjawab berkaitan dengan kejadian tersebut.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

LISAN

PERTANYAAN  
DARIPADA  
KAWASAN

DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

MARAN  
G

TARIKH            11.10.2011            (SELASA)

**NO. SOALAN**

minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menjelaskan sanrta ada dalam isu seperti penjualan Esso Malaysia Sdn. Bhd. (ESSO) kepada syarikat asing, adakah pihak Kerajaan melihatnya sebagai satu penjualan kepentingan strategic negara dalam sector ini dan kenapakah pihak Kerajaan menerusi Petronas Dagangan Sdn. Bhd. tidak mengambil langkah perlu untuk mempertahankannya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Berhormat, Esso Malaysia Bhd. (EMB) mempunyai dua aktiviti perniagaan di Malaysia iaitu aktiviti loji penapisan dan juga aktiviti penjualan runcit petroi. Bagi aktiviti logs penapisan, kerajaan telah meliberalisasikan dasar ekuiti dalam sektor pembuatan sejak tahun 2003 di mana rakyat asing dibenarkan memiliki 100 peratus ekuiti.

Sebelum saham EMB dijual kepada San Miguel Corporation (SMC) (sebuah syarikat berpangkalan di Filipina), EMB adalah dimiliki 65 peratus oleh ExxonMobil International Incorporation iaitu syarikat

dimiliki 100 peratus rakyat asing. Oleh itu, penjualan saham EMB kepada SMC melihatkan penjualan saham pegangan asing kepada pembeli asing lain dan dilaksanakan melalui proses pembidaan terbuka dan telus yang disertai oleh syarikat asing dan tempatan.

Bagi aktiviti penjualan runcit petrol pula, syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan akan terus dikenakan kepada pembeli bam.

Kerajaan tidak menganggap bahawa sektor ini adalah strategik yang perlu dikuasai oleh syarikat tempatan. Kerajaan tidak wajar campur tangan dalam urusan jual beli saham syarikat selagi mereka mematuhi semua peraturan garis panduan yang ditetapkan. Campur tangan oleh Kerajaan akan membantutkan usaha Kerajaan untuk menggalakan pelaburan dalam negeri dan menarik pelaburan asing k® Malaysia.

Adalah difahamkan bahawa syarikat SMC sedang mengadakan perbincangan dengan sebuah syarikat tempatan bagi mengadakan perkongsian perniagaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PE RTA NY AA N	JAWAB LISAN
TARIKH		YB TENGGU RAZALEIGH HAMZAH [ GUA MUSANG ]
		11 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN:

YB Tengku Razaleigh Hamzah [ Gua Musang ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah jaminan Kerajaan mutu penyiaran yang disalurkan oleh stesen TV swasta benar-benar setimpal dengan kadar harga yang dikenakan serta berapa lamakah hak eksklusif diberikan kepada syarikat Astro.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengawal selia dan memantau prestasi pembekal perkhidmatan termasuk stesen TV berbayar, ASTRO dengan menetapkan satu piawaian mutu perkhidmatan untuk dipatuhi. Piawaian mutu perkhidmatan ini

## SOALAN NO. : 39

diwujudkan untuk memastikan bahawa pengguna disajikan dengan kandungan siaran yang memenuhi piawaian minimum dan boleh diterima, serta untuk melindungi dan memberi hak pengguna untuk mendapatkan perkhidmatan yang bermutu. Setiap aduan yang diterima daripada pengguna juga akan disiasat dan diambil tindakan sewajarnya.

Selain itu, dari semasa ke semasa, pihak SKMM mengadakan perbincangan secara berterusan dengan operator penyiar swasta untuk memastikan penetapan kadar harga yang munasabah sesuai dengan penambahan mutu perkhidmatan yang diberikan.

Mengenai hak keistimewaan khas atau *exclusivity* kepada Astro untuk siaran daripada satelit kepada pengguna (*direct-to-user*), tempoh yang diberikan adalah untuk 20 tahun dan akan tamat pada 2017.



No - SOALAN :  
H-O NO. AUM :  
38-

NOr-Ath<sup>3\*</sup> :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN

PERTANYAAN

TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

DARIPADA

11 OKTOBER 2011

TARIKH

4083

SOALAN:  
RUJUKAN

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) secara terperinci peruntukan undang-undang diguna pakai untuk menghantar pulang peguam Perancis William Bourdon; dan
- (b) manakala Ketua Pengarah Imigresen memberi sebab masalah visa bercanggah dengan Menteri bahawa memberi sebab melanggar syarat *touristy*isanya.

JAWAPAN Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Batu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) subjek telah ditahan dan dihantar pulang ke negara asal oleh kerana subjek telah melanggar syarat - syarat Pas Lawatan Sosial seperti yang termaktub di dalam Seksyen 39(b) Peraturan - Peraturan Imigresen 1963 yang menyatakan bahawa:

“Mana - mana orang yang tanpa alasan yang munasabah melanggar atau gagal mematuhi mana - mana syarat yang dikenakan berkaitan dengan, atau arahan yang diendorskan di atas mana - mana Pas, Permit atau Pas Sempadan, adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Peraturan - Peraturan ini dan hendaklah dikenakan apabila disabitkan, hukuman penjara kepada tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua - dua penjara dan denda tersebut.”

untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, perkara yang dinyatakan oleh YB Menteri Dalam Negeri dan Ketua Pengarah Imigresen adalah mempunyai maksud yang sama dan berlaku kekeliruan oleh laporan akhbar tersebut.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK ALEXANDER NANTA  
LINGGI

[ KAPIT ]

TARIKH 11 OKTOBER 2011

### SOALAN

Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah faktor yang menyebabkan sehingga ke hari ini bilangan masyarakat berbangsa Dayak yang berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan adalah terlalu kecil jumlahnya.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan tidak pernah menyisihkan mana-mana bangsa untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan. Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan,

**NO.SOALAN : 41**

pelantikan calon-calon ke dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan dilaksanakan oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan dan Majlis Angkatan Tentera.

Kaedah pemilihan calon dibuat mengikut merit di mana calon yang memohon akan disenarai pendek dalam tapisan awal mengikut kriteria wajaran berdasarkan pencapaian akademik. Selain daripada kelayakan akademik, beberapa skim perkhidmatan juga menetapkan calon perlu menduduki peperiksaan bertulis, ujian fizikal dan kaedah-kaedah penilaian lain bagi mengenai pasti kompetensi calon tersebut bersesuaian dengan jawatan. Tapisan terakhir ialah melalui proses temu duga di mana hanya calon yang berprestasi baik dalam sesi tersebut akan terpilih.

Berdasarkan kajian, antara faktor penyumbang kepada kurangnya bangsa Dayak yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan ialah :

- 1) Faktor logistik di mana calon dari kawasan pedalaman sukar untuk menghadiri sesi temu duga di tempat-tempat yang telah ditetapkan; dan
- 2) Faktor kelayakan akademik di mana sebahagian besar calon Bumiputera Sarawak dan Sabah masih lagi gagal dalam tapisan awal, walaupun Suruhanjaya Perkhidmatan hanya meletakkan syarat minimum.

Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa prihatin dan melaksanakan beberapa inisiatif baru yang bersifat *affirmative* dan berfokuskan pelanggan bagi meningkatkan peluang kepada calon- calon Bumiputera Sarawak untuk menyertai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Antaranya ialah dengan menambah pusat-pusat temuduga sepenuh masa di Sarawak dan pengambilan berdasarkan lokaliti iaitu hanya calon temuduga bagi kawasan tertentu yang mempunyai kekosongan jawatan akan dipanggil tanpa mengira kaum.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2011, seramai 52,050 pemohon jawatan yang direkodkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah dari kalangan Bumiputera Sarawak. Daripada 5,325 orang yang dipanggil untuk menghadiri temuduga 4,056 (76%) adalah bangsa Dayak manakala seramai 464 (77%) daripada 599 orang calon yang dilantik adalah berbangsa Dayak.

Sekian, terima kasih.

DARIPADA PER  
TAN  
AYA  
TARIKH N  
LISAN  
Datuk Aaron Ago Anak Dagang [ Kanowit ]  
11 Oktober 2011 (Selasa)

SOALAN Datuk Aaron Ago Anak Dagang [ Kanowit ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status pelaksanaan pelbagai projek di bawah NKRA di seluruh Negara, terutamanya di kawasan pedalaman di Sarawak dan Sabah.

*JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon)*

Program Transformasi Kerajaan atau **Government Transformation Program** (GTP) menggunakan kaedah makmal atau "**lab**" dan **Key Performance Indicators** (KPI) yang berkesan untuk pembaharuan jentera kerajaan dan merealisasikan komitmen kerajaan supaya "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan," mengikut Gagasan 1 Malaysia yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri. Enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau **National Key Results Areas** (NKRA) telah dikenalpasti dan giat dilaksanakan sejak bulan Julai 2009 berdasarkan hasrat dan pandangan rakyat mengikut kajian dan maklumbalas.

Di bawah NKRA untuk mengurangkan jenayah, antara inisiatif yang di perkenalkan adalah Program **Omnipresence**, hampir 30,000 anggota polis telah ditugaskan semula (**redeployed**) bersama dengan RELA dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) untuk meningkatkan rondaan dan tindakan mencegah jenayah dalam 50 kawasan tumpuan atau "**hot spots**" bersama dengan Sistem Balai Polis Bergerak atau "**Mobile Police Station**" (MPS). Program **Omnipresence** turut diperkenalkan di Karamuning Penampang, Tawau, Sandakan dan Lahad Datu di Sabah dan juga Gita, Sekama, Sibul, Miri, Lutong dan Bintulu di Sarawak.

Sepanjang Januari hingga Ogos tahun ini berbanding tempoh sama pada tahun lepas, kadar jenayah indeks telah menurun sebanyak 10.1 peratus pada keseluruhannya dan kadar jenayah jalanan sepanjang (merangkumi ragut dan rompakan tanpa senjata) menurun sebanyak 39.7 peratus. Di Sabah, kadar Jenayah indeks telah menurun sebanyak 23.3% dan kadar Jenayah jalan 76.7%. Di Sarawak, penurunan adalah sebanyak 14.2% dan sebanyak 57.1% masing-masing. Ini berjaya meletakkan Malaysia di tempat pertama paling selamat di Asia Tenggara dalam *ranking* Indeks Keamanan Global atau "*Global Peace Index*".

NKRA Meningkatkan Pendidikan memberi fokus terhadap pendidikan prasekolah. Sehingga bulan Ogos 2011, kini terdapat 2,519 kelas pra-sekolah di Sabah dan 2,848 kelas pra-sekolah di Sarawak. Selain itu, kesemuanya 9,814 buah sekolah rendah dan menengah pelbagai aliran di seluruh negara telah dinilai mengikut *ranking*, bagi mengetahui kekuatan dan kelemahan secara perbandingan. Hasilnya, 14 buah sekolah menengah dan 6 buah sekolah rendah telah disenaraikan dalam Sekolah Berprestasi Tinggi Malaysia yang julung kali diadakan pada 2011 di mana terdapat 5 buah sekolah adalah dari Sabah dan Sarawak, iaitu SM Sains Miri, Sarawak, SK Ulu Lubai, Sarawak, SM Sains Sabah, SM Sains Kuching dan SJK(C) Tung Hua Sibu.

Di bawah NKRA Menaik Taraf Kehidupan Isirumah Berpendapatan Rendah, kadar miskin tegar telah berjaya dikurangkan sebanyak 99.76 peratus. Di samping itu, ketua isirumah miskin tegar digalakkan untuk menyertai salah satu (1) daripada empat (4) projek 1Azam, atau inisiatif "Akhir Zaman Miskin," iaitu, Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat. Daripada bulan Januari hingga Oktober 2011, sebanyak 5,190 orang telah menyertai program 1Azam di Sarawak dimana sasaran tahunan adalah 11,400 orang. Manakala di Sabah, penyertaan adalah sebanyak 7,



555 orang daripada 12, 500 orang yang disasar.

No. SOALAN: 42

Pencapaian bagi Infrastruktur Asas Luar Bandar pada 2011 dari Januari hingga September terus menunjukkan hasil yang memuaskan. Bagi Sabah, jalanraya luar bandar sepanjang 180.48 kilometer telah dibina atau dinaik taraf (sasaran 2011: 366.67km), 3,463 rumah luar bandar telah menerima bekalan air bersih (sasaran 2011: 18,063 rumah); 1,080 rumah luar bandar telah menerima bekalan elektrik (sasaran 2011: 4, 509 rumah) dan 2,244 buah rumah baharu atau dibaik pulih disediakan bagi golongan miskin luar bandar (sasaran 2011: 2,794). Bagi Sarawak, jalanraya luar bandar sepanjang 112.84 kilometer (sasaran 2011: 222.95km), bekalan air bersih untuk 8,823 rumah luar bandar (sasaran 2011: 13, 024 rumah); bekalan elektrik untuk 4,360 rumah luar bandar (sasaran 2011: 21,792 rumah) dan 2,248 buah rumah baharu atau dibaik pulih disediakan bagi golongan miskin luar bandar (sasaran 2011: 3, 816 buah rumah)

Walau bagaimanapun, usaha gigih yang berterusan adalah perlu bagi mempertingkatkan lagi semua pencapaian ini dan bagi memastikan negara mampu mencapai objektif GTP untuk mencapai Wawasan Negara supaya Malaysia menjadi sebuah negara maju yang bersatupadu, aman dan berpendapatan tinggi.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN DING KUONG HUNG (SARIKEI)

TARIKH 11 OKTOBER 2011 ( SELASA )

## SOALAN NO. 43

### SOALAN

YB Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan dalam pembinaan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Seri Sinar, Sarikei sedangkan tapak pembinaan telah disediakan. Nyatakan juga jumlah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di seluruh negeri Sarawak dan lokasinya.



## JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, terdapat dua buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang sedang beroperasi di Bahagian Sarikei, Sarawak iaitu PDK Sarikei yang memberi manfaat kepada 84 OKU dan PDK Pakan yang memberi manfaat kepada seramai 39 OKU.

Merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat berkaitan PDK Seri Sinar, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada dasarnya bercadang untuk membina sebuah institusi pemulihan bagi OKU yang dikenali sebagai Taman Sinar Harapan, Sarikei yang bakal menempatkan OKU Masalah Pembelajaran. Tapak bagi pembinaan Taman Sinar Harapan tersebut telahpun dikenal pasti. Walau bagaimanapun, pembinaannya telah ditangguhkan atas faktor kekangan kewangan dan telah dibawa untuk kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah *Second Rolling Plan*, Rancangan

Malaysia Kesepuluh.  
Tuan Yang Di Pertua,

Secara keseluruhannya, sebanyak 25 buah PDK sedang beroperasi di Negeri Sarawak yang memberi faedah kepada 1,677 orang OKU. Lokasinya adalah di Bahagian Kuching (9 buah), Bahagian Samarahan (3 buah), Bahagian Sri Aman (1 buah), Bahagian Sarikei (2 buah), Bahagian Sibu (2 buah), Bahagian Bintulu (2 buah), Bahagian Miri (2 buah), Bahagian Limbang (1 buah), Bahagian Kapit (1 buah), Bahagian Betong (1 buah) dan Bahagian Mukah (1 buah).

' \Off 2^

**SOALAN NO: 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

**[MACHANG]**

**TARIKH : 11 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung aduan rasuah membabitkan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

Mahmud.

**MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini masih lagi dalam tindakan siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Dalam persoalan yang ditimbulkan ini, SPRM adalah tertakluk kepada Seksyen 29 (4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang menghalang sebarang pendedahan berkaitan sesuatu aduan/siasatan yang sedang dijalankan, didedahkan kepada pengetahuan umum.

Sekian, terima kasih.